

Dasar Malayan Union cetus kemarahan Melayu Perarakan penentangan di Batu Pahat antara yang terbesar

UM - 27/4/2006

OLEH ROHANI IBRAHIM

BRITISH mula datang ke Tanah Melayu dengan pengambilan Pulau Pinang dari Sultan Kedah pada 1786 apabila Kapten Francis Light berjaya memujuk Sultan Kedah untuk menyerahkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI).

Kedatangan British di Pulau Pinang juga mendorong campur tangan di negeri-negeri Melayu yang lain bertujuan mengeksploitasi segala sumber kekayaan yang ada seperti bijih timah di Perak dan emas di Pahang.

Semuanya ini bertujuan memenuhi keperluan perkembangan revolusi perindustrian di Eropah. Perkembangan ini telah membawa bersama kedatangan orang Cina dan India untuk bekerja sebagai buruh murah dalam perlombongan bijih timah, perladangan getah, lada hitam, pembinaan jalan raya dan keretapi.

Pemerintahan British menyebabkan terbentuknya jurang antara kaum kerana perbezaan dari segi aktiviti ekonomi, tempat tinggal dan pendidikan.

Apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dengan mendarat di Kota Bharu pada 7 Disember 1941 terdapat beberapa orang kaya di Tanah Melayu yang lari ke India untuk menyelamatkan diri memandangkan India adalah jajahan British yang masih selamat daripada serangan Jepun.

Datuk Onn Jaafar yang ketika itu berada di Johor berpendapat tidak akan melarikan diri bukanlah satu langkah yang bijak kerana ia menunjukkan sikap mementingkan diri sendiri dan beliau juga bersedialah untuk melindungi keluarga dan saudara-mara.

Pada 2 Februari 1942, Onn meninggalkan sejumlah 20,000 penduduk Johor Bahru supaya meninggalkan rumah dan bersembunyi di hutan Kempas.

Onn dan orang Melayu tinggal selama dua minggu di hutan tersebut sehingga 16 Februari 1942.

Melalui pertemuan dengan bekas-tanaman yang sempat dibawa dan untuk masalah kesihatan mereka dirawat oleh Dr. Awang Hassan seorang doktor Melayu yang terkenal di Johor Bahru ketika itu.

Pelindung

Onn menjadi pelindung kepada orang Melayu di hutan Kempas itu. Beliau berjaya mendapat satu surat perlindungan bagi menjaga keselamatan mereka daripada seorang ketua tentera Jepun yang datang ke kawasan itu pada 6 Februari 1942.

Surat perlindungan itu akan ditunjukkan oleh Onn setiap kali ada askar Jepun yang terserempak dengannya mereka dalam hutan tersebut.

Johor, seperti negeri-negeri Melayu yang lain diletakkan di bawah seorang gabenor yang bertanggungjawab kepada Sombabucho di Singapura.

Jabatan-jabatan kerajaan Johor diselia ketua-ketua jabatan di bawah perintah gabenor. Dengan itu Johor ditadbirkan secara langsung oleh tentera Jepun.

Pada bulan April 1942, Onn yang merupakan ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor dilantik sebagai Pengawal Makanan Johor oleh pihak pentadbiran Jepun dan disokong oleh Sultan Johor ketika itu, Sultan Ibrahim.

Sebagai pengawal makanan, Onn bertanggungjawab mengawal makanan Johor terutamanya beras yang merupakan bahan makanan utama.

Oleh kerana terputusnya hubungan perdagangan dengan dunia luar bekalan beras terpaksa dicatut.

Dalam menjalankan tugas, Onn kerap membantu orang kampung yang kekurangan makanan. Mereka sering datang ke rumah Onn meminta tambahan bantuan terutama bagi keluarga yang ramai dan anak-anak yang sakit.

Apabila Hiroshima dan Nagasaki dibom pada 6 dan 8 Ogos 1945 tentera Jepun menyerah kalah dan berundur dari Tanah Melayu dan Singapura.

Pengunduran tentera Jepun menyebabkan Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) cuba mengisi kekosongan politik di Tanah Melayu.

MPAJA ditubuhkan bagi menentang tentera Jepun.

Di Johor, gerakan MPAJA berlaku di sekitar daerah Batu Pahat yang terletak di barat Johor dengan mempunyai 15 mukim.

Seawal bulan Mei 1942, MPAJA menyerang kampung dan membunuh orang Melayu yang dianggap tali barut Jepun seperti penghulu, polis dan askar Melayu.

Pada 10 Jun 1945, Pegawai Daerah Batu Pahat, Ismail Abdullah dibunuh bersama beberapa orang Melayu yang sedang berunding bersama MPAJA di Benut.

Pada 19 Ogos 1945, Onn dipanggil mengadap Sultan Ibrahim di Istana Pasir Pelangi Johor Bahru dan baginda melantik beliau sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat. Tugas utama bagi Onn ialah mententeramkan kacau-bilau yang berlaku di situ.

Pada 20 Ogos 1945, Onn membawa keluarganya berpindah ke Batu Pahat dengan menaiki keretapi dari Johor Bahru. Keesokannya, dengan berbasikal, Onn pergi ke ibu pejabat MPAJA-Bintang Tiga yang terletak di Bukit Pasir, Batu Pahat.

Perbincangan dengan pihak MPAJA dijalankan di sebuah kedai kopi dalam suasana tenang. Onn dikatakan meminta MPAJA supaya berhenti menyerang kampung Melayu dan hubungan baik orang Cina dan orang Melayu sebelum 1945 patutlah dkekalkan.

Kejayaan perbincangan itu disambut dengan penyembelihan seekor lembu di estet Sri Gading. Hati lembu itu dihadiahkan kepada Onn dan dagingnya diberikan kepada orang Melayu di kampung sekitar Bukit Pasir.

Pada 22 Ogos 1945, Onn terpaksa berangkat ke Johor kerana sekumpulan orang Melayu di bawah pimpinan Kiai Salleh sedang bersedia untuk menyerang penduduk Cina di Batu Pahat.

Ini merupakan tindakbalas kepada MPAJA yang menyerang kampung Melayu yang berdekatan.

Onn tiba di Bagin ketika Kiai Salleh dan pengikutnya sedang menyeka Wong Ah Teu, seorang tauke Cina yang dikatakan menjadi perisik MPAJA.

Sebaik sahaja kerajaan Austin 10 yang diwakili Onn tiba, Kiai Salleh dan orang-orangnya berhenti menyeka taupet tersebut.

Pada 23 Ogos 1945, Onn mengadakan rundingan di antara Kiai Salleh dan beberapa orang pemimpin Melayu dengan ketua MPAJA di Dewan Peringatan Cina Batu Pahat. Kesemua mereka bersetuju menghentikan pergaduhan dan bendera MPAJA-Bintang Tiga di rumah pasung (balai polis) Batu Pahat diturunkan tanpa bantahan MPAJA.

Onn turut meminta Kiai Salleh melancarkan orang Cina yang menduduki busan di Parit Raja dan menamatkan ketua-ketua kampung, melakukannya se-jata.

Kejayaan Onn mengamankan Batu Pahat, menghentikan serangan orang Melayu dan MPAJA menjadikan beliau digelar Peace Maker Batu Pahat.

Pada 5 September 1945 British kembali semula ke Tanah Melayu dan Laksamana Earl Mountbatten yang dilantik sebagai panglima agung bagi Asia Tenggara menyelamatkan mereka yang tinggal di Tanah Melayu dan Singapura.

Kedatangan BMA ke Johor tidak mengubah kedudukan Onn sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat.

Sebaik menduduki Batu Pahat, British menjalankan dasar menghukum mereka yang dikatakan terlibat dengan pergaduhan dan bekerjasama dengan Jepun. Antara yang ditangkap ialah Kiai Salleh.

Sebagai pemimpin Melayu, Onn berusaha menyelamatkan mereka yang ditangkap dan beliau berjaya mendapatkan pengampunan, hasilnya Kiai Salleh dipenjarakan sehari sahaja.

Onn juga mendapat persetujuan daripada Sultan Ibrahim untuk melantik Kiai Salleh sebagai penghulu Simpang Kiri.

Kedatangan semula British di Tanah Melayu juga memberi semangat baru kepada Onn yang kemudiannya mencadangkan penubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ).

Faktor yang menggalakkan Onn menubuhkan PMSJ ialah perkembangan politik di Batu Pahat dan bagi beliau kehadiran semula British adalah permulaan baru bagi Tanah Melayu.

Bagi Onn, British mempunyai dasar yang berbeza daripada Jepun memandangkan sebelum perang lagi British membenarkan penubuhan persatuan separuh politik yang tidak mencabar kedudukan British.

Ini menggalakkan Onn menubuhkan sebuah persatuan yang boleh menyatukan orang Melayu dan dapat menjaga kepentingan orang Melayu tanpa mencabar British.

Pada 29 Disember 1945, Onn menghantar surat 'arahan' kepada ketua kampung meminta orang ramai berkumpul bagi membincangkan penubuhan sebuah pertubuhan politik.


Perjumpaan itu dirangka selepas waktu zohor 3 Januari 1946 di Masjid Jamik Batu Pahat.

Perjumpaan di masjid itu bertujuan menggalak syak BMA dan membolehkan ia dilihat sebagai perjumpaan yang mempunyai kepentingan agama Islam sahaja.

Seruan Onn diterima oleh orang Melayu Batu Pahat di mana lebih 3,000 orang berkumpul termasuklah golongan wanita yang membantu memasak. Ia merupakan perjumpaan terbesar orang Melayu di Batu Pahat selepas perang.



DATUK ONN... Pengerusi Kongres Pertama, Kedua dan Ketiga yang kemudian menjadi Ketua UMNO pertama.



PERARAKAN menentang penubuhan Malayan Union di Johor pada awal tahun 1946.

dunia. Dalam ucapannya, Onn mencadangkan orang Melayu bersatu dalam sebuah persatuan yang boleh menjaga kepentingan orang Melayu dan medium untuk penduduk Melayu Batu Pahat bersatu.

Cadangan Onn disambut dengan sorakan Hidup Melayu dan dengan itu PMSJ terbentuk dengan Onn sebagai Pengerusi.

PMSJ merupakan pertubuhan pertama yang diasaskan di Batu Pahat selepas Perang Dunia Kedua. Selepas meluaskan pengaruh PMSJ di Batu Pahat, Onn menubuhkan cawangan di Muar, Tangkak, Kluang dan Pontian.

Pada awal Mac 1946, ahli PMSJ berjumlah 125,000. British kemudiannya mengumumkan pembentukan Malayan Union, perlembagaan baru untuk Tanah Melayu yang menggabungkan kerakyatan sama kepada semua penduduk dan menghapuskan kedaulatan raja.

Tandatangan

Wakil khas London, Sir Harold Mac Michael ke Tanah Melayu turut dihantar ke Malaya untuk mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu bagi mempersejuti perjanjian tersebut.

Raja pertama ditemui oleh Mac Michael ialah Sultan Johor ketika itu, Sultan Ibrahim yang menandatangani perjanjian pada 20 Oktober 1946 di Istana Besar, Johor Bahru dengan disaksikan oleh pembesar-pembesar negeri.

Ini diikuti dengan pemerintah negeri-negeri lain dan Mac Michael turut menggunakan ugutan untuk mendapatkan tandatangan daripada Sultan Kedah, Sultan Badli Shah.

Sultan Badli Shah menaiki takhta negeri Kedah dalam tahun 1943 menggantikan ayahanda baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah yang telah mangkat semasa penjajahan Jepun.

Bagi mendapatkan tandatangan Sultan Badli Shah, Mac Michael memberitahu baginda tidak akan dikira sebagai Sultan yang rasmi Negeri Kedah jika

enggan menandatangani surat perjanjian itu.

Mac Michael turut mengugut yang beliau mempunyai kuasa penuh untuk melantik orang lain sebagai Sultan jika orang itu bersetuju untuk menurunkan tandatangan.

Kebijaksanaan Mac Michael dalam mempengaruhi Sultan memudahkan kerja beliau di mana sembilan pemerintah negeri menurunkan tandatangan dalam masa kurang dari dua bulan.

Sikap licik Mac Michael juga menyebabkan Sultan tidak menyedari bahawa mereka telah terpedaya dan menyerahkan kuasa negeri kepadanya.

Tandatangan yang diperolehi membolehkan satu kertas putih mengenai dasar-dasar Malayan Union disediakan dan dibentangkan di Parlimen. Antara isi kandungan kertas putih itu ialah:

- kesakytan rakyat asing dan orang Melayu adalah sama;
- peranan raja Melayu tidak lebih dari kadi sahaja
- hak istimewa orang Melayu dihapuskan dan
- British mempunyai kuasa di negeri-negeri Melayu.

Kertas putih

Pada perhimpunan itu juga, Onn menyahut seruan untuk mengadakan Kongres Melayu seluruh Tanah Melayu. Sementara itu di Kuala Lumpur yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor (PMS) Zainal Abidin Ahmad yang dikenali sebagai Zaaba sibuk berkomunikasi dengan Onn, Datuk Panglima Bukit Gantang, Perak dan pemimpin negeri lain bagi membincangkan hal kongres.

Onn turut ke Kuala Lumpur untuk berunding dengan Zaaba. Beliau mencadangkan supaya nama Pertubuhan Melayu yang akan ditubuhkan sebagai Pertubuhan Melayu Bersatu atau 'United' Malays Organisation (UMO).

PMS melalui Zaaba berjaya mengumpulkan wang berjumlah RM15,000 yang turut disumbangkan oleh raja-raja Melayu. Persatuan berkenaan juga sanggup menjadi tuan rumah supaya kongres dapat diadakan di Kuala Lumpur.


PMS juga menghantar sepucuk kawat bantahan kepada Setiausaha Tanah Jajahan Takluk British.

Kronologi proses tandatangani perjanjian dan penentangan Malayan Union

- 10 Oktober 1945 - Setiausaha Tanah-Jajahan British memaklumkan Parlimen British mengenai pemergian Sir Harold Mac Michael ke Malaya untuk mengambil tandatangan raja.
- 12 Disember 1945 - Raja Perlis, Syed Putra
- 17 Disember 1945 - Sultan Kelantan, Sultan Ibrahim
- 21 Disember 1945 - Sultan Terengganu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah Sultan Zainal Abidin.
- 6 Januari 1946 - Mac Michael pulang ke London membawa surat-surat perjanjian yang telah ditandatangani.
- 22 Januari 1946 - Kertas putih yang mengandungi dasar pelan Malayan Union dibentangkan di Parlimen dan disarkan di Tanah Melayu sekali gus menimbulkan kemarahan orang Melayu.
- 19 Januari 1946 - Ribuan orang Melayu di Kedah berkumpul di Alor Star membantah tindakan British dan pembentukan Malayan Union.
- 1 Februari 1946 - Beribu-ribu orang berhimpun di Kota Bharu sambil berarak menunjuk perasaan dan membantah Malayan Union.
- 10 Februari 1946 - 20,000 orang Melayu berkumpul di sebuah padang di Batu Pahat dan seruan untuk mengadakan Kongres Melayu di Tanah Melayu dibangkitkan.
- 22 November 1945 - Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz
- 2 Disember 1945 - Sultan Kedah, Sultan Badli Shah
- 10 Oktober 1945 - Sir Harold Mac Michael tiba di Port Swettenham, Selangor pada hari yang sama beliau bertemu wakil-wakil akhbar di King's House Kuala Lumpur bagi menerangkan tujuan kedatangannya.
- 20 Oktober 1945 - Sultan Johor, Sultan Ibrahim tandatangani perjanjian di Istana Besar, Johor Bahru.
- 24 Oktober 1945 - Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah menandatangani perjanjian diikuti dengan:
- 2 November 1945 - Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Riyatuddin Al-Muazzam
- 14 November 1945 - Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Yamtuan Mohammad
- 22 November 1945 - Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz
- 2 Disember 1945 - Sultan Kedah, Sultan Badli Shah



PERHIMPUNAN menentang Malayan Union di perkarangan Istana Besar Johor Bahru sekitar tahun 1946.




PERHIMPUNAN Agung Pembar (UMNO) tahun 1946 di Dewan Singgahsana, Istana Besar, Johor Bahru.



KAUM wanita turut sortai perarakan menentang Malayan Union.



AHLI jawatankuasa sambutan Kongres parti Politik Melayu untuk penubuhan Pembar (UMNO) bergambar di Istana Besar, Johor Bahru pada tahun 1946.



ORANG Melayu Johor berhimpun membantah dasar-dasar yang terkandung dalam Kertas Putih berhubung pelan Malayan Union.



PERHIMPUNAN menentang Malayan Union di hadapan Station Hotel, Kuala Lumpur.



TOKOH Pergerakan Melayu Semenanjung Johor yang menjadi ahli jawatankuasa kerja mengelokkan persidangan parti politik seluruh Tanah Melayu untuk menubuhkan UMNO pada tahun 1946.



SATU lagi perarakan secara aman di Johor bagi membantah penubuhan Malayan Union.